



10 November 2011
10 November 2011
P.U. (A) 370

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PENERBANGAN AWAM (PINDAAN) (NO. 3) 2011

CIVIL AVIATION (AMENDMENT) (NO. 3) REGULATIONS 2011



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENERBANGAN AWAM 1969

PERATURAN-PERATURAN PENERBANGAN AWAM (PINDAAN) (NO. 3) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Penerbangan Awam 1969 [Akta 3], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam (Pindaan) (No. 3) 2011**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 November 2011 .

Pindaan peraturan 198

2. Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 1996 [P.U. (A) 139/1996] dipinda dengan menggantikan peraturan 198 dengan peraturan yang berikut:

“Langkah-langkah keselamatan

198. (1) Ketua Pengarah hendaklah bertanggungjawab bagi melindungi penerbangan awam daripada perbuatan gangguan yang menyalahi undang-undang.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), Ketua Pengarah hendaklah mematuhi peruntukan Aneks 17 dan Manual Keselamatan bagi Melindungi Penerbangan Awam daripada Perbuatan Gangguan yang Menyalahi Undang-Undang yang dikeluarkan oleh ICAO yang dipinda dari semasa ke semasa.

(3) Tanpa menjejaskan keluasan subperaturan (1) dan (2), Ketua Pengarah hendaklah menubuhkan suatu Program Keselamatan Penerbangan Awam Kebangsaan dan apa-apa program keselamatan lain yang terpakai bagi